

BAB II

PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI SEKOLAH- SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA

BAB : KEDUA

PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA

2.0 PENGENALAN

Kepentingan pusat pendidikan al-Qur'ān adalah suatu yang tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ia merupakan nadi asas dan kilang bagi pembinaan modal insan, mengaji, mengajar dan menyampaikan itu adalah satu-satunya pendidikan al-Qur'ān yang dituntut dan membawa kemuliaan. Penerimaan jawatan itu adalah suatu tuntutan yang telah dilalui Jibril A.S kepada Nabi S.A.W dalam surah al-Syu'arā yang membawa maksud ayat: “Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah, ke dalam hatimu, supaya engkau (Wahai Muhammad), menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia)¹⁵¹ .

Dalam bab ini penulis akan membawa sejarah pendidikan al-Qur'ān di semenanjung tanah Melayu, sejarah sekolah rendah Islam swasta di Kota Bharu Kelantan dan penutup dengan pengajian al-Qur'ān di sekolah rendah Islam swasta di Kota Bharu dan juga dalam bab ini penulis menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan rujukan data-data sekolah, majalah dan lain-lain untuk menghasilkan maklumat tersebut.

2.1 PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI SEKOLAH KEBANGSAAN MALAYSIA

Pendidikan agama Islam di Malaysia bermula sejak sekian lama dahulu. Pendidikan yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar diajar oleh *mubaligh-mubaligh* Arab yang berdagang di Tanah Melayu masa itu. Masjid, surau dan rumah-rumah tok guru adalah menjadi tempat di mana ilmu

¹⁵¹Surah al-Syu'arā : 193-194

agama ini diajar. Pendidikan pada masa itu tidaklah dijalankan secara formal dan sistematik dengan sistem silibus yang seragam. Silibus adalah berasaskan kepada al-Qur'ān, Sunnah dan Hadith.¹⁵² YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi semasa dalam tempoh 100 hari beliau menerajui tampuk kepimpinan negara sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima¹⁵³ telah menyatakan hasrat supaya pelajar-pelajar Islam dapat khatam bacaan al-Qur'ān di peringkat sekolah rendah dan mewajibkan pembelajaran bahasa Arab. Untuk memenuhi hasrat ini, kementerian pendidikan ketika itu, telah menganjurkan seminar Jawi, al-Qur'ān, bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) yang berlangsung pada 3 hingga 5 Mac 2004 dan pihak kementerian pelajaran telah mengambil tindakan dengan mengadakan beberapa mesyuarat dan telah memutuskan dan bersetuju menerima beberapa model untuk dilaksanakan sebagai projek rintis pada bulan April 2004 sebelum pelaksanaan sepenuhnya mulai tahun 2005 secara berperingkat¹⁵⁴.

2.1.1 Konsep, Takrif, Matlamat dan Objektif¹⁵⁵

Konsep dan takrif j-QAF adalah singkatan kepada Jawi, al-Qur'ān, bahasa Arab dan *fardhu ain*. bermaksud memperkukuhkan penguasaan Jawi, memastikan murid-murid khatam al-Quran di sekolah rendah, mewajibkan pelajaran Bahasa Arab dan memantap amalan dan penghayatan fardu ain. Projek j-QAF adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan¹⁵⁶. Untuk mencapainya matlamat pendidikan Islam untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia

¹⁵² Kertas Kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan (MTT2353), *Teknokrat Islam*, dicapai pada 18 Febuari 2014, Lihat <http://sarjana.tripod.com/teknorat3.html>

¹⁵³ Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengajian Al-Quran di Sekolah Kebangsaan (j-Qaf), November 8, 2004, dicapai pada 12 Febuari 2014, lihat: <http://schoolmalaysia.com> dan <http://www.jais.gov.my/borang/2013/FAQ.pdf>

¹⁵⁴ Ahmad Mohd Salleh(2011), *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, Edisi2 KPLI Pengajian Islam & j-QAF, Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd, h.55

¹⁵⁵ *Ibid.*,

¹⁵⁶ *Ibid.*,

berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara. Dan di antara objektifnya ialah supaya 1). Membolehkan murid khatam al-Qur'ān sebelum menamatkan pengajian di sekolah rendah. 2). Meningkatkan penguasaan murid dalam Jawi dan Fardu Ain, dan 3) Membolehkan semua murid Islam mempelajari bahasa Arab.

2.1.2 Pelaksanaan Program Khatam al-Qur'ān di Sekolah Kebangsaan

2.1.2(a) Takrif dan Objektif ¹⁵⁷

Takrif ialah program menumpukan kepada penguasaan kemahiran membaca al-Qur'ān (Iqra') pada enam bulan pertama untuk Tahun 1. Dan aspek khatam al-Qur'ān pada enam bulan pertama Tahun 2 hingga Tahun 6. demikian untuk mencapainya objektif supaya murid dapat menguasai kaedah Iqra' serta dapat membaca al-Qur'ān dengan lancar dan bertajwid dan dapat menghabiskan bacaan bagi surah-surah yang ditetapkan sehingga 30 juzuk bagi kumpulan yang di sasarkan murid beragama Islam Tahun 1 hingga Tahun 6 sekolah rendah.

2.1.2 (b) Bahan P&P dan Strategi Pelaksanaan

Bahan P&P dalam program ini termasuk modul P&P model enam bulan khatam al-Qur'ān, Buku Iqra' 1 hingga Iqra' 6, al-Qur'ān *Rasm Uthmānī*, Buku rekod bacaan al-Qur'ān, Kaset/CD/VCD dan Kad bacaan. Strategi pelaksanaan ialah dengan :-

2.1.2 (c) Tempoh Pelaksanaan

- a) Murid Tahun 1 hingga Tahun 6 akan mengikuti model ini selama enam bulan pertama (Januari-Jun) setiap tahun.
- b) Enam bulan seterusnya murid mengikuti kurikulum pendidikan Islam berdasarkan kurikulum pendidikan Islam dan kurikulum j-QAF

¹⁵⁷*Ibid.*, h.60

2.1.2(d) Peruntukan Masa

- a) P&P Khatam al-Qur'ān mula Jan - Jun diperuntukkan masa 4 kali seminggu.
- b) Dua waktu selebihnya digunakan untuk program pemulihan Jawi.

2.1.2(e) Peruntukan Waktu Tahun 2

- a) Semua murid membaca al-Qur'ān menggunakan *maṣḥaf Rasm Uthmānī*.
- b) Bacaan mengikut kaedah talaqqi dam musyafahah di bimbing guru GPI, guru j-QAF dan murid terus.
- c) Guru merekodkan bacaan setiap murid di dalam buku rekod bacaan al-Qur'ān masing-masing.
- d) Modul P&P model enam bulan menjadi asas rujukan guru.
- e) Kaedah Iqra' digunakan bagi murid yang tidak menguasai bacaan al-Qur'ān.

2.1.2(f) Kaedah P&P Khatam al-Qur'ān Model Enam Bulan¹⁵⁸

1. *Talaqqi dan Musāfahah*

- a) Murid mendengar bacaan guru.
- b) Murid membaca dengan bimbingan guru.
- c) Guru membetulkan bacaan murid.
- d) Guru mengesahkan bacaan murid.

2. Penilaian Iqra'

- a) Penilaian bacaan Iqra' boleh dilakukan pada setiap bulan.
- b) Laporan penilaian hendaklah dilengkapi dengan menggunakan borang QR10, QR02, QR03 dan QR04 seperti yang digunakan dalam pelaksanaan program Jawi dan al-Qur'ān enam bulan.

¹⁵⁸*Ibid.*, h.61

- c) Laporan penilaian dilengkapkan hendaklah difailkan untuk simpanan.
- d) Laporan penilaian hendaklah dihantar kepada pihak yang bertanggungjawab seperti berikut:
 - Sekolah kepada PPD/G Julai dan Oktober
 - PPD/G kepada JPN Julai dan Oktober
 - JPN kepada JAPIM Julai dan Oktober

2.1.2(i) Penilaian Khatam al-Qur'ān:

Laporan penilaian khatam al-Qur'ān hendaklah menggunakan borang analisa pencapaian yang disediakan dan hantar kepada pihak yang bertanggungjawab seperti berikut:

- a) Sekolah kepada PPD/G setiap Julai dan Oktober
- b) PPD/G kepada JPN Julai dan Oktober
- c) JPN kepada JAPIM pada Julai dan Oktober.

2.1.3 Pelaksanaan Program Khatam al-Qur'ān Model *Tasmek*¹⁵⁹

2.1.3(a) Takrif , Objektif, Kumpulan Sasaran dan Bahan P&P

Tarik ialah membimbing serta merekodkan perkembangan bacaan al-Qur'ān murid secara individu sehingga khatamnya pelaksanaan di luar jadual kelas supaya sampai objektif murid dapat membaca al-Qur'ān dengan bertajwid dan dapat mengkhatamkan bacaan al-Quran 30 jujuk disasarkan kepada murid beragama Islam Tahun 1 hingga Tahun 6 sekolah rendah melalui bahan P&P model & modul tasmek, al-Qur'ān *Rasm Uthmānī* dan buku rekod bacaan al-Qur'ān murid tenaga mengajar terdiri dari guru j-QAF (penyelaras & pembimbing), guru GPI dan guru-guru akademik.

¹⁵⁹*Ibid* ., 61-62

2.1.3(b) Strategi Pelaksanaan *Tasmek* dan Penilaian

Setiap murid hanya menggunakan al-Qur'ān *Rasm Uthmānī* serta mempunyai guru pembimbing tugasnya membimbing dan merekodkan bacaan setiap kali *tasmek* bagi murid buku rekod masing-masing, peranan guru j-QAF dan guru GPI akan menilai dan mengesahkan bacaan murid sekali seminggu, murid yang cemerlang boleh meneruskan bacaan tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan. Waktu *tasmek* ialah dua waktu selepas waktu persekolahan dan hari Sabtu minggu kedua dan keempat. Bagi penilaian penguasaan bacaan murid secara ringkas dilakukan secara mingguan dan untuk penilaian penguasaan bacaan murid secara menyeluruh dilakukan pada akhir tahun.

2.2 INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA MALAYSIA

Negara Malaysia mempunyai sejarah pembentukan negara bangsa yang amat panjang dalam mengorak langkah mencapai kemerdekaan. Selari dengan proses tersebut, pendidikan juga telah berkembang seiring dengan zaman¹⁶⁰ Pendidikan swasta adalah pendidikan yang disediakan kepada pelajar oleh Institusi Pendidikan Swasta (IPS). Institusi pendidikan swasta adalah institusi bukan bantuan Kerajaan dan ianya dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Penubuhan, pengurusan dan pengoperasiannya adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.¹⁶¹ Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) adalah merupakan satu jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM). Jabatan ini dahulunya dikenali sebagai bahagian pendaftaran sekolah dan guru yang telah beroperasi sejak dari tahun 1961. Mulai 1 Oktober 1995 telah dinaik taraf kepada BPS yang diketuai oleh timbalan

¹⁶⁰Perkembangan Sistem Pendidikan di Malaysia, dicapai pada 12 Februari 2014, lihat : <http://dadwayne.blogspot.com/2010/03/perkembangan-sistem-pendidikan-di.html>

¹⁶¹Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Swasta, dicapai pada 12 Februari 2014, lihat : http://schoolmalaysia.com/jps/direktori/senarai_sek.php?TYPE=23

ketua pengarah pendidikan. BPS bertanggungjawab kepada segala aspek pengurusan penubuhan, pendaftaran dan pengawalseliaan institusi pendidikan swasta (IPS) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). BPS juga bertanggungjawab dalam hal memastikan dasar, perancangan, penyelidikan dan hala tuju pendidikan swasta selaras dan selari dengan dasar pendidikan negara. Tugas dan tanggungjawab ini dipikul bersama dengan Unit Pendidikan Swasta (UPS) di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).¹⁶²

2.2.1 Sekolah Rendah Islam Swasta di Malaysia

Sejarah penubuhan institusi swasta bermula dari kemasukan Islam di tanah Melayu dan al-Quran di ajar di rumah-rumah tok guru, pondok-pondok dan madrasah . pada peringkat awal kedatangan Islam surah al-Fatihah dan surah-surah lazim pasti dipelajari dan diajar kepada anak-anak didiknya secara sebelum ada institusi secara *nizami* dan sistematik. Bermula dari pihak istana hinggalah menyerap masuk ke peringkat bawahan seperti masjid-masjid, surau-surau dan rumah-rumah persendirian atau secara individu.¹⁶³ Kewujudan institusi pendidikan agama di segi pentadbiran menurut kajian Lembaga Penasihat Penyelaras Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) tahun 1988¹⁶⁴ di bahagikan secara umumnya kepada tiga jenis, iaitu : 1). Sekolah Menengah Kebangsaan (SMKA) 2). Sekolah Agama Kerajaan Negeri (SAN) 3). Sekolah Agama Rakyat (SAR). Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau Sekolah Islam Swasta (SIS) dikendalikan oleh rakyat atau persendirian dari segi pentadbiran , kewangan, pengurusan sukatan pelajaran dan lain-lain¹⁶⁵. terletak di bawah kelolaan lembaga atau jawatankuasa sekolah masing-masing. Pentadbiran dijalankan oleh pengetua dan diawasi oleh lembaga atau jawatankuasa pengelola sekolah berkenaan. Tidak ada

¹⁶²*Ibid.*,

¹⁶³Abdullah Jusoh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, h.5 dan lihat : Sedek Bin Ariffin (Dr.) (2011), *Kaedah Menghafal al-Quran di Institusi Tahfiz al-Quran di Malaysia: Kajian Pembandingan di antara Kaedah Darul Quran JAKIM dengan Kaedah al-Huffaz*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.27

¹⁶⁴Ahmad Mohd Salleh (2011) *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, Edisi 2 KPLI Pengajian Islam & j-QAF, Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd, h.414

¹⁶⁵*Ibid*, h.415

sebuah badan berkuasa yang mewakili kerajaan menjalankan peranan sebagai penentu dan pengawal perjalanan sekolah-sekolah tersebut.

Sungguhpun sekolah Islam swasta ini terletak di bawah kuasa yang bersendirian, tetapi menurut undang-undang pentadbiran agama Islam di sesetengah negeri, majlis atau jabatan agama Islam negeri bertanggungjawab ke atas perjalanan agama Islam.¹⁶⁶ Oleh itu, SIS atau SAR digalakkan supaya berdaftar dengan majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri, bertujuan memudahkan pihak kerajaan memantau dan mengkhidmati nasihat serta menyalurkan bantuan.

2.2.2 Sekolah Rendah Islam Swasta di bawah JPS Malaysia

Sebanyak 47¹⁶⁷ disenaraikan sekolah rendah Islam swasta ialah :-

Jadual 2.02 : Senarai Sekolah Rendah Islam Swasta di Bawah JPS Malaysia

No.	Nama	Alamat
1	Sekolah Dasar Hijriah	Kg. Pantai Mek Mas Kuala Besar 15350 Kota Bahru Kelantan Tel: 09-7711087
2.	Sekolah Rendah Adni	Sharidal Court, Jalan 3, Taman Seri Ukay 68000 Ampang Wilayah Persekutuan Tel: 03-4252 5810 Fax: 03-4252 5810
3.	Sekolah Rendah Agama (Arab) Al-Ittihadiyah	Tanjung Pagar 16430 Ketereh Kelantan Tel: 09-977 0090 Fax: TIADA
4.	Sekolah Rendah Agama (Arab) Diniah	Kg. Permatang Rambai 16800 Pasir Puteh Kelantan Tel: 09-752 0961019-964 7124
5.	Sekolah Rendah Agama Al-Qari	Pt 282 Jalan Depan Istana Negeri Taman Al-Qari 16150 Kubang Kerian Kelantan Tel: 09-765 1184 Fax: 09-765 1185
6.	Sekolah Rendah Al-Azhar	Jalan Muda Kuari Mukim Gelong Off Jalan Kodiang 06000 Jitra Kedah Tel: 04-929 1758

¹⁶⁶ *Ibid*,

¹⁶⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Swasta, dicapai pada 12 Februari 2014, lihat : http://schoolmalaysia.com/jps/direktori/senarai_sek.php?TYPE=23

Sambungan Jadual 2.02

7.	Sekolah Rendah Al-Islah	Lot 292 Pokok Asam Jalan Pinang Tunggal 08000 Sungai Petani Kedah Tel: 04-438 6866/013-533 0292 Fax: 04-438 7032
8.	Sekolah Rendah Al-Itqan	456 Jln Kg. Masjid Teluk Kumbar 11920 Bayan Lepas Pulau Pinang Tel: 04-649 4203 Fax: 04-649 4204
9.	Sekolah Rendah Al-Naim	Desa Murni Pekan Lama 09300 Kuala Ketil Kedah Tel: 019-451 640104-416 4037
10.	Sekolah Rendah As-Saidiyyah	Taman Rashidah Utama Jln Senawang-Paroi 70450 Seremban Negeri Sembilan Tel: 06-677 1232 Fax: 06-677 1232
11.	Sekolah Rendah Hafiz	17911 Bt. 2 Sg. Pinang Bandar Jalan Kapar 41100 Klang Selangor Tel: 03-3344 0030 Fax: 03-3344 0031
12.	Sekolah Rendah Ibnu Khaldun	Lot 4012 Batu 7 Lorong Haji Said Jalan Kebun Seksyen 30 , 40604 Shah Alam Selangor Tel: 03-5161 6903 Fax: 03-5162 3963
13.	Sekolah Rendah Islam (Arab) Diniah	Permatang Rambai 16800 Pasir Puteh Kelantan Tel: 09-789 1624
14.	Sekolah Rendah Islam (Sri) Abim Indera Mahkota	Bandar Indera Mahkota 25000 Kuantan Pahang Tel: 09-573 3182 Fax: 09-573 3182
15.	Sekolah Rendah Islam Abim	Lot 10-15 Bakar Arang Bangunan Zakat 08000 Sungai Petani Kedah Tel: 04-422 5222
16.	Sekolah Rendah Islam Abim Sg Ramal	Lot 1662 Kampung Sungai Ramal Dalam 43000 Kajang Selangor Tel: 03-8926 1220
17.	Sekolah Rendah Islam Adni	Jalan 1 Taman Sri Ukay 68000 Ampang Selangor Tel: 03-4252 5810/4256 0396
18.	Sekolah Rendah Islam Al Amin, Gombak	Lot 1078 Jalan Sungai Pusu Batu 8 3/4 53100 Gombak Selangor Tel: 03-6188 9873/6187 8125
19.	Sekolah Rendah Islam Al Huda	Lot 1769-4 Jalan Gombak Km 11 53100 Selangor Tel: 03-6188 7504 Fax: 03-6188 7505

Sambungan Jadual 2.02

20.	Sekolah Rendah Islam Al-Akhyar	Lot 2697 Jalan Nong Chik 80100 Johor Bahru Johor Tel: 07-223 5619 Fax: 07-223 5619
21.	Sekolah Rendah Islam Al-Amin	Lot 1 Lorong Enggang 4 Taman Keramat 54200 Selangor Tel: 03-4251 6157/4251 6167
22.	Sekolah Rendah Islam Al-Amin	108B Lorong 1 Kanan Jalan Balai Besar 23000 Dungun Terengganu Tel: 09-848 4742
23.	Sekolah Rendah Islam Al-Hikmah	2633-A Tanjung Mas Jalan Pangkalan Chepa 15400 Kota Bharu Kelantan Tel: 09-771 4190
24.	Sekolah Rendah Islam Al-Huda	Lot 1769-4, KM 11 Jalan Gombak 53100 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Tel: 03-6188 7504 Fax: 03-6188 7504
25.	Sekolah Rendah Islam Al-Ikram	Lot 4360 Mukim 12 Tasik Gelugor 13300 Pulau Pinang Tel: 04-573 2622 Fax: 04-573 6436
26.	Sekolah Rendah Islam Al-Qari	PT 282, Taman Al-Qari Jalan Depan Istana Negeri 16150 Kubang Kerian Kelantan Tel: 012-9511184
27.	Sekolah Rendah Islam Al-Taqwa	347, Sungai Ciku 1 18300 Gua Musang Kelantan Tel: 09-9282399
28.	Sekolah Rendah Islam Aman	4201-S Off Jalan Telipot Lorong Merican 15150 Kota Bharu Kelantan Tel: 09-741 3555
29.	Sekolah Rendah Islam Aman, Wakaf Bharu	Lot 1897 Jalan Lama Wakaf Bharu 16250 Wakaf Bharu Tumpat Kelantan Tel: 09-718 5260013-253 1918 Fax: 09-718 5261
30.	Sekolah Rendah Islam An-Nur	S-3-348 Jalan Atas Bonggol 15300 Kota Bharu Kelantan Tel: 09-744 2539 Fax: 09-744 2539
31.	Sekolah Rendah Islam Ar-Irsyad	Bt. 3 ½ Jalan Gambang Kg. Kurnia 25150 Kuantan Pahang Tel: 09-536 4969
32.	Sekolah Rendah Islam As Syddiq	Lot 3479 Kampung Sahari 86200 Simpang Renggam Johor Tel: 07-755 9717
33.	Sekolah Rendah Islam At-Tahfiz	Lot Ptp 697 Jln Masjid Taman Mawar 81700 Pasir Gudang Johor Tel: 03-253 2903

Sambungan Jadual 2.02

34.	Sekolah Rendah Islam At-Tamimi	Lot 834 Persiaran Subang Taman Perindustrian Subang Usj 1 47600 Subang Selangor
35.	Sekolah Rendah Islam Darul Aman (Srida)	Km 3 Lebuhraya Sultan Abdul Halim 05400 Alor Setar Kedah Tel: 04-772 1913
36.	Sekolah Rendah Islam Hidayah	Kg. Sinaran Baru Jln Johor Baru Km 26 Skudai 81300 Johor Baru Johor Tel: 07-556 9932
37.	Sekolah Rendah Islam Husni Amal	No 26 Jalan Rajawali 80350 Larkin Jaya Baru Johor Tel: 07-238 8239 Fax: 07-237 6957
38.	Sekolah Rendah Islam Indera Mahkota	Jalan Sg. Lembing 25200 Kuantan Pahang Tel: 09-573 3182 Fax: 09-573 3182
39.	Sekolah Rendah Islam Kiblah	691 Jalan Telipot Paya Senang 15150 Kota Bharu Kelantan Tel: 09-747 1703
40.	Sekolah Rendah Islam Pintar Al-Amin	Aras 1 Jalan Pjs 11/2 Kompleks 3C Mpsj Bandar Sunway 46150 Selangor Tel: 03-5636 2656 Fax: 03-5636 2656
41.	Sekolah Rendah Islam Pintar Ipoh	38018 Batu 7 A¼ Jln. Gopeng Kg. Kepayang 31300 Simpang Pulai Perak Tel: 05-357 2180
42.	Sekolah Rendah Islam Riyadhus Solihin	Lot 1592 Lorong Ustaz Syed Nordin Kampung Parit Sungai Kajang 83000 Batu Pahat Johor Tel: 07-4131171 Fax: 07-4131171
43.	Sekolah Rendah Islam Sri Kota	1137 Jalan Dato' Lundang 15200 Kota Bharu Kelantan Tel: 09-744 2301
44.	Sekolah Rendah Islam Sri Taqwa	Felda Chiku 1 18300 Gua Musang Kelantan Tel: 019-932 8545
45.	Sekolah Rendah Seri Melati	Perkampungan Tunjung 02400 Berseri Perlis Tel: 04-938 12889 Fax: 04-938 1289
46.	Sekolah Rendah Sri Al-Amin Bangi	Pt 39519 Batu 18 Lot 8796 Kampung Sungai Tangkas Jalan Reko 43000 Kajang Selangor Tel: 03-8927 3001 Fax: 03-8925 8717
47.	Sekolah Sri Johor Baru	No.10 Jln Abdul Rahman Anadak 80100 Johor Baru Johor Tel: 07-223 2548/5140

Submber : <http://schoolmalaysia.com/jps>

2.3 SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA DI KELANTAN

Penubuhan sekolah-sekolah rakyat atau dikenali dengan sekolah persendirian atau swasta dibina sebelum merdeka lagi. Ramai yang menghantar anak-anak mereka dengan tujuan mendapat pendidikan Islam yang lebih sempurna.¹⁶⁸ Pertubuhan sekolah Islam swasta bermula pada tahun 90an diibaratkan seperti cendawan. Ini membuktikan ketidakpuasan ibu bapa dengan pencapaian al-Qur'ān dan didikan akhlak dan moral anak-anak di sekolah kerajaan.¹⁶⁹ Mengikut kajian yang dibuat ke atas 277 orang pelajar di sekolah Islam swasta, didapati 95% faktor pencapaian al-Qur'ān dan didikan akhlak serta moral memberi dorongan ibu bapa hendak menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta,¹⁷⁰ sedangkan sekolah tersebut berbayar dan serba kekurangan berbanding dengan sekolah kerajaan. Kebanyakan sekolah-sekolah Islam swasta Kelantan adalah di bawah persatuan sekolah-sekolah Islam persendirian Kelantan atau dikenali dengan nama (PERSIAP). Gagasan awal permuafakatan sekolah-sekolah Islam persendirian di Kelantan mula tercetus pada 1995 sebagai Majlis Guru Besar SRI (MGBSRI) Kota Bharu. Kemudian, hasil dari *muzakarah* majlis permuafakatan sekolah-sekolah Islam persendirian Kelantan pada 22 Ogos 2002 maka lahir lah PERSIAP, dengan rasminya diluluskan pendaftarannya oleh pendaftar pertubuhan pada 11 April 2003, nombor pendaftarannya : 635, Ruj PPM/Kel 756/02 (3); PPP/Kel 54/02.¹⁷¹ Ia adalah satu badan dan falsafah untuk mendukung gagasan membangun dan meningkatkan kualiti pendidikan Islam secara menyeluruh dan bersepadu, berteraskan al-Qur'ān dan as-Sunnah.¹⁷² PERSIAP baginya misi yang jelas ialah untuk memperkasa sistem pendidikan Islam pada peringkat pra sekolah, rendah dan menengah ke arah pembentukan generasi ilmuwan yang bertaqwa, berketerampilan dan komited. Adapun

¹⁶⁸ Muhammad Yusuf Ahmad (2002) *Pendidikan Moral*, Jabatan Pendidikan Islam & Moral KPM, h.107

¹⁶⁹ Ibu bapa murid-murid di SRI Kiblah, Temubual pada 15 Julai 2010

¹⁷⁰ Ustaz Omar Iliyas, Pengarah SRI Aman, Temu bual pada 17 Julai 2010 di pejabatnya.

¹⁷¹ Persatuan Sekolah-sekolah Islam Persendirian Kelantan, dicapai pada 23 Febuari 2014, lihat : <http://persiap2003.blogspot.com/>

¹⁷² Majlis *Ihtifal Thaqafi Sanawi* ke-4, Peringkat Negeri Kelantan 2007, (Kertas Kerja Ihtifal) h.3

falsafah PERSIAP ia adalah sebagai satu badan yang mendukung gagasan untuk membangun dan meningkatkan pendidikan Islam secara menyeluruh dan bersepadu berteraskan al-Qur'ān dan As Sunnah. Dan yang membawa objektif kepada¹⁷³ :-

- i. Untuk mengadakan seminar dan persidangan bagi membincangkan pembangunan sekolah-sekolah Islam persendirian di Kelantan.
- ii. Untuk memberi cadangan dan syor-syor kepada kerajaan ke arah pengubalan undang-undang bagi memenuhi keperluan sekolah-sekolah Islam persendirian.
- iii. Untuk mewakili sekolah-sekolah Islam persendirian dan persatuan dalam sebarang dialog, perbincangan dan taklimat dengan pihak kerajaan, badan berkanun, pihak swasta serta lain-lain institusi.
- iv. Untuk menyediakan perkhidmatan kepada ahli-ahli dengan menyediakan pusat maklumat, pengambilan ahli-ahli baru, perundingan kerjaya, penerbitan makalah, jurnal, kertas perbincangan, aktiviti sosial dan lain-lain aktiviti yang akan memberi manfaat kepada keseluruhan ahli.
- v. Untuk meningkatkan mutu dan kualiti pelajar-pelajar yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah Islam persendirian.
- vi. Untuk menentukan halatuju sekolah-sekolah Islam persendirian pada masa depan di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.

Jadual 2.03 : Status Sekolah Swasta bi bawah JPS Kelantan¹⁷⁴

Bila	Nama Institusi	No. Daftar	No. Kod	Tarikh Lulus
1	SRI An Nur	SRS 04001	D03B 001	12.12.1998
2	SRI AL-HIKMAH	SRS 04002	D03b 002	8.1.1994
3	SRI AMAN	SRS 04003	D03B 003	21.4.1991
4	SRI KOTA	SRS 04004	D03B 004	3.1.1998
5	SEK. DASAR HIJRIAH	SRS 04005	D03B 005	Dalam proses
6	SRI KIBLAH	SRS 04006	D03B 006	1.1.2001
7	SRU(ARAB) AL-ITTIHADIAH	SRS 04009	D03B 007	Dalam proses

¹⁷³Persatuan Sekolah-sekolah Islam Persendirian Kelantan, dicapai pada 23 Februari 2014, lihat : [http:// persiap2003.blogspot.com/](http://persiap2003.blogspot.com/)

¹⁷⁴Jadual Senarai Nama Sekolah Swasta dari Jabatan Pengajian Swasta (JPS) PPD Kelantan.

Sambungan Jadual 2.03

8	SRI AL-QARI	SRS 04011	DO3B 008	Dalam proses
9	SRI WADI SOFIA	SRS 04012	D02B 001	Dalam proses

Sumber: Jabatan Pelajaran Swasta JPS Kelantan

Ahli PERSIAP¹⁷⁵ Mengikut senarai Jabatan Pelajaran Swasta (JPS) sekolah-sekolah Islam yang berdaftar dengan pihak JPS sebanyak 11 buah sekolah sahaja akhir tahun 2011 sebanyak 15 buah sekolah.¹⁷⁶

Jadual 2.04: Ahli PERSIAP akhir tahun 2011

Bil	Nama Sekolah	Alamat
1	Sekolah Rendah Islam Aman	4201-S, Jalan Marican, 15150 Kota Bharu, Kelantan.
2	Sekolah Rendah Islam al-Hikmah	S/47-2633 Tanjung Mas, Jln P. Chepa, 16100 KB.
3	Sekolah Rendah Islam An-Nur	S/3-348, Jalan Atas Banggol, 15300 KB, Kelantan
4	Sekolah Rendah Islam Kota	Jalan Dato'Ludang, 15200 kota Baharu Kelantan.
5	Sekolah Rendah Islam Kiblah	691, Paya Senang , Jalan Telipot, 15150 , KB, Kel
6	Sekolah Rendah Islam Al-Hilal	1962 Taman Anjaria, Jln P. Chepa, 15400 ,KB Kel
7	Sekolah Rendah Islam Pintar	1481 Batu2 Jln Kuala Krai, 15150, KB, Kelantan
8	Sekolah Rendah Islam Madinatul Ilmu	Pondok Tok Kenali , 16150 Kubang Krian
9	Sekolah Menengah Islam Aman	4127-B, Wisma PAP Tingkat3 Telipot, KB Kelantan
10	Sekolah Rendah Islam At Taqwa	Felda Sungai Ciku1, 18300 Gua Musang, Kelantan
11	Sekolah Rendah Islam Diniyah	Permatang Rambai, 16800 Pasir Putih, Kelantan
12	Sekolah Rendah Islam Al-Furqan	jalan Gunong , 16400 Melor, kota Bharu, Kelantan.
13	Sekolah Rendah Islam Al-Husna	Lot 947, kok Kubur, Jalan Kuala Besar 15350, KB.
14	Sekolah Rendah Islam al-Munir	Jln Hilir Wakaf Baru,16150 Kubang Kerian, KB Kel
15	Sekolah Rendah Islam al-Qari	PT 282, Taman Al-Qari, 16150 Kubang Kerian, Kel.

Sumber : PERSIAP

¹⁷⁵ Abdul Karim Bin Tahir, Penyelia Pendidikan Swasta (PPD) KB, Temu bual pada 27 Feb 2011

¹⁷⁶ *Ibid.*, h.6

Penulis merujuk kepada buku-buku panduan penubuhan¹⁷⁷ sekolah masing-masing. didapati peraturan dan panduan penubuhannya adalah hampir sama bagi setiap sekolah. Ianya menjadi syarat lampiran untuk mendapat lesen pendaftaran rasmi dengan pihak jabatan pendidikan negara (JPN). Di sini penyelidik membawa beberapa panduan yang menjadi asas kepada penubuhan sekolah-sekolah tersebut.

2.3.1 Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah

Hasil dari rujukan kepada kertas kerja penubuhan sekolah-sekolah swasta dan dokumentasi yang berkenaan penulis merumuskan perjalanan sekolah-sekolah rendah Islam swasta ditangani dan pantau oleh dua lembaga iaitu lembaga pengelola dan lembaga pentadbiran.¹⁷⁸

2.3.2 Tugas-tugas lembaga pengelola ialah;-¹⁷⁹

- a. Memberi penyelia dan pengawasan keseluruhan.
- b. Membentuk polisi dan peraturan-peraturan umum.
- c. Menyediakan infrastruktur dan segala kemudahan-kemudahan fizikal bersesuaian dengan keperluan program tarbiah yang disediakan.
- d. Menyediakan dana (fund) untuk pengendalian semua program yang telah ditetapkan.
- e. Memperakui perancangan menyeluruh untuk perkembangan program pendidikan di sekolah dari semasa ke semasa.
- f. Menentukan pengambilan guru dan pekerja-pekerja lain.
- g. Menentukan pengambilan pelajar bagi setiap tahun pengajian.
- h. Membentuk jawatankuasa-jawatankuasa jika dirasakan perlu untuk melicinkan perjalanan sekolah.

¹⁷⁷AHM/Pen.Sd/96(1), Surat dan Kertas Kerja Permohonan Mendaftar Sekolah Swasta, 12 Mac 1996

¹⁷⁸SRI Aman (t.t), Panduan Pengurusan 1995-96, (t.p),.

¹⁷⁹*op,cip.*. (1996)

- i. Memberi kata akhir kepada tindakan disiplin yang diambil ke atas guru, pekerja lain dan pelajar.
- j. Meneliti dan mengambil tindakan sesuai kepada keputusan-keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pentadbir. Lembaga ini dianggotai oleh;- Seorang Pengerusi, Seorang Setiausaha (Pengetua/ Mudir Institut), Seorang Bendahari dan Dua Orang Ahli Biasa.

2.3.3 Tugas-tugas lembaga Pentadbir seperti berikut ¹⁸⁰:-

- a. Menjadi pelaksana kepada segala polisi dan program pendidikan yang disediakan.
- b. Menyediakan peraturan-peraturan khusus untuk sekolah berkaitan dengan guru, pelajar dan pekerja-pekerja lain.
- c. Menyediakan kurikulum dan sukatan pelajaran, termasuk kegiatan kokurikulum.
- d. Menyediakan cadangan untuk perkembangan akademik serta prasarana sekolah.
- e. Menyediakan perancangan pengambilan pelajar dan guru.
- f. Melaksanakan tindakan-tindakan yang telah diputuskan bersama atau oleh Lembaga Pengelola.
- g. Menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan kelicinan perjalanan program pendidikan dan perkembangan program pembangunan sekolah.
- h. Menjadi penghubung di antara sekolah dengan badan-badan dan masyarakat luar.
- i. Menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan sekolah.
- j. Mengurus dan mengendalikan perbelanjaan harian kewangan sekolah.

¹⁸⁰ *op.cip.*, SRI Aman (1995-96)

- k. Menyimpan akaun di bank, menerima sumbangan dan derma serta membuat segala pembayaran atas nama sekolah.

2.3.4 Perancangan Pendidikan dan Tahap Pengajian

Melalui metode temu bual, temu ramah perbualan cara format atau tidak format, dengan beberapa tenaga pentadbir,¹⁸¹ guru-guru dan ibu bapa pelajar, penulis berpandangan bahawa sekolah-sekolah rendah Islam swasta terbina di atas kesedaran untuk sama-sama berusaha ke arah mewujudkan generasi al-Qur'ān.¹⁸² Berbekalkan kesedaran ini dan meyakini hakikat bahawa ilmu pengetahuan adalah satu-satunya alat yang mampu meletakkan ummah di landasan yang haq maka sekolah ini mengadakan program pendidikan seperti berikut.¹⁸³

- i. Masa pengajian. Tempoh pengajian di sekolah ini adalah selama enam tahun iaitu dua belas semester (disesuaikan dengan kaedah sekolah kerajaan). Dalam 12 semester ini pelajar akan dibahagikan kepada dua tahap yang berlainan iaitu, Tahap Pertama yang terdiri dari darjah satu, dua dan tiga mengambil masa Tiga (3) tahun (6 semester) pertama. Penekanan akan diberi kepada kemahiran membaca, menulis, mengira dan menghayati sirah nabawi dalam pembinaan akhlak. Mata pelajaran akademik KBSR digabungkan. Dan Tahap Dua yang terdiri daripada darjah empat, lima dan enam mengambil masa (3) tahun atau enam semester berikutnya. Penumpuan adalah kepada penguasaan ilmiah bahasa Arab, menghafal dan memahami al-Qur'an dan penghayatan yang lebih menyeluruh tentang sejarah Nabi dalam membina akhlak muttaqin. Mata pelajaran akademik KBSR akan digabungkan. Pelajar-pelajar akan bersedia untuk menduduki peperiksaan kerajaan.

- ii. Kurikulum. Bagi menyediakan pendidikan untuk anak-anak yang perlu ditarbiahkan menjadi manusia yang berwibawa, maka bentuk kurikulum yang akan di

¹⁸¹Kakitangan pentadbir sekolah, lihat: senarai kaki tangan yang temubual pada 5-15 Mac 2011

¹⁸²Ustaz Mohammad Sabri Hasbullah, temubual pada 8 Mac 2011

¹⁸³Lihat : Buku Panduan Pelajar SRI Aman (t.h), dan Buku (t.t) Disiplin Pelajar SRI Kiblah, h.5-7

guna pakai adalah bertunjang kepada prinsip dan 'Aqidah Islamiah. Ia didasarkan kepada kurikulum sekolah rendah yang baru dan KSRI dengan mengutamakan akhlak Islam.

iii. Ko-kurikulum . Ko-kurikulum, aktiviti kemajuan dan kegiatan-kegiatan ke arah penghayatan Islam akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa mengikut peningkatan kemajuan pelajar.

iv. Sukatan Pelajaran, mata pelajaran tidak hanya terbatas kepada ilmu-ilmu dalam bidang agama sahaja. Mata pelajaran umum juga diajar untuk melengkapkan pengetahuan pelajar tentang persekitaran dan dunia secara umumnya. Bagi tujuan itu, sukatan pelajaran akademik yang digunakan adalah sepertimana yang dilaksanakan oleh kerajaan. Bagi ilmu pengetahuan agama pula, sukatan adalah yang disesuaikan dari apa yang digunakan di sekolah rendah agama.

v. Peraturan Sekolah. Bagi memastikan kelicinan perjalanan program beberapa penentuan telah dibuat:- Syarat Kemasukan i. Beragama Islam ii. Lelaki dan perempuan iii. Sihat tubuh badan iv. Berumur tujuh tahun ke atas.

vi. Sesi Pengajian ialah sesi pengajian mengikut sesi sekolah kerajaan dan hari persekolahan adalah lima hari seminggu bermula pada hari Ahad. Waktu persekolahan, waktu persekolahan bermula 8.30 pagi hingga 4.00 petang.

vii. Pakaian Seragam. Bagi pelajar lelaki, Kemeja putih, seluar panjang biru, kasut dan stoking putih. Bagi pelajar perempuan, pakaian yang menutup aurat iaitu baju kurung putih, tudung putih, kain warna magenta, kasut dan stoking putih. Adapun pakaian waktu lain, menutup aurat, kemas dan sesuai dengan keadaan.¹⁸⁴

ix. Tenaga Pengajar. Dalam usaha untuk memastikan program dapat berjalan sepertimana yang dirancangkan, maka pengambilan tenaga pengajar perlu diawasi

¹⁸⁴ *Ibid.*,

dengan teliti. Guru-guru adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berkelulusan sesuai dengan peringkat pengajian. Nisbah kelas dan murid 1:1.5 dan seorang guru besar.

x. Pengambilan dan bilangan pelajar. Bagi tahun pertama pengambilan pelajar dihadkan kepada satu kelas sahaja, Setiap kelas dihadkan bilangan tidak lebih dari 30 orang pelajar.

xi. Kemudahan. Sekolah akan menyediakan beberapa kemudahan seperti: bilik darjah yang sesuai, pejabat dan bilik guru, kawasan riadah dan keperluannya, masjid dan tandas dan bilik air yang sesuai.

xii. Sumber Kewangan. Ia bertujuan memastikan aliran kewangan sekolah sentiasa stabil dan mampu untuk meneruskan usaha perkembangan pendidikan pelajar-pelajar. Sumber kewangan yang menjadi punca pendapatan institut adalah; infak bulanan dari ahli, sumbangan dari dermawan-dermawan dan pungutan derma.¹⁸⁵

2.4 TANGGUNGJAWAB DAN KURIKULUM SEKOLAH.

Penulis berpandukan peraturan am sekolah-sekolah SRI dan buku-buku panduan pentadbir sekolah penulis membuat kesimpulan bahawa penubuhan sekolah-sekolah rendah Islam swasta dari perasaan bertanggungjawab dalam menyebarkan dan mengekalkan risalah Islam, dalam kontak kerjasama maka sekolah-sekolah tersebut akan bertanggungjawab¹⁸⁶ untuk:

- i. Memberi pendidikan kepada pelajar mengikut kurikulum dan matlamat yang telah disediakan.
- ii. Menyediakan segala peralatan yang perlu untuk kemajuan pembelajaran dan pelajar-pelajar.

¹⁸⁵ *Ibid.*,

¹⁸⁶ *Ibid.*, h.8-9

- iii. Bertanggungjawab di atas keselamatan pelajar semasa berada di sekolah.
- iv. Memberi maklumat kepada ibu bapa/penjaga dari masa ke semasa.
- v. Menyediakan kegiatan kemajuan pelajar dan pembelajaran.

2.4.1 Aliran kurikulum pengajaran dan pembelajaran:¹⁸⁷

- i. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)
- ii. Kurikulum Pendidikan Islam (KPI)
- iii. Ko-kurikulum Sekolah Rendah (KS)
- iv. Program Penghayatan Islam (PPI)
- v. Program Pengajian al-Qur'ān (PPQ)
- vi. Kegiatan Ko-kurikulum

2.5 SEKOLAH RENDAH ISLAM AMAN (SRI AMAN)

Sekolah Rendah Islam Aman (1991) telah ditubuhkan dengan aspirasi melahirkan generasi pewaris dan menyiapkan bakal pemimpin generasi Muslim akan datang. Institusi ini menyahut cabaran meneruskan tradisi penyebaran agama di negeri Kelantan. Tanah Serambi Mekah yang menghasilkan ratusan ulama yang berwibawa. Sistem Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Islam Aman menekankan pendidikan agama sesuai dengan keperluan semasa.¹⁸⁸ SRI Aman adalah sekolah swasta yang telah ditubuhkan pada 2 Disember 1990 dan telah didaftarkan dengan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Penubuhannya adalah bertujuan untuk melahirkan generasi umat Islam yang tulen dan bertakwa berdasarkan prinsip dan falsafah pendidikan Islam melalui penekanan kesepaduan ilmu dan amalan yang seimbang dan berterusan.¹⁸⁹ SRI Aman di bawah badan penaung Yayasan

¹⁸⁷Lembaga disiplin SRI Kiblah,(tt) Buku Panduan dan Peraturan Murid, h. 7.

¹⁸⁸Pendidikan Aman, dicapai pada 10 Febbuari 2014 http://www.aman.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=104&Itemid=160

¹⁸⁹Prospektus SRI Aman ,(t.t.) *op.cit.*, h. 1.

Pendidikan Islam Aman (YPIA)¹⁹⁰ telah ditubuhkan pada 27 September 2003 di mana tujuan utama penumbuhannya ialah untuk memberi sumbangan kepada program pendidikan, di antara fungsinya mengharusperdanakan sistem pendidikan yang berteraskan falsafah pendidikan Islam, dan satu lagi projek mega ialah mengoperasi institusi pendidikan yang di miliki YPIA, projek tersebut bertempat di Binjai Kota Bharu, satu-satu projek untuk mencapai visi dan misi iaitu menjadikan institusi pendidikan terunggul di Kelantan serta menyediakan pasarana sistem pendidikan Islam untuk melahirkan generasi yang berilmu, beriman, beramal serta berakhlak mulia.

2.5.1 Sejarah Pusat Pendidikan Aman¹⁹¹

- 1989 Tadika Iman ditubuhkan bertempat di Lorong Pak Dir, Jalan Bayan, Kota Bharu.
- Dis 1990 Pengambilan sulung pelajar Sekolah Rendah Islam Aman, Berdaftar dengan MAIK dan Jabatan Pendidikan Kelantan dengan nama Sekolah Rendah (swasta) SRI Aman.
- Bertempat di Wisma Pustaka Aman Press (PAP), Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Baharu, Kelantan (wakaf Haji Hassan Yaakob).
- Bermula dengan tahun 1 seramai 50 orang murid dan 5 orang tenaga pelajar.
- 1993 Seorang dermawan, Hj. Muda b. Hj. Yunus Allah merahmati rohnyanya, telah mewakafkan 2 ekar tanah untuk tapak kekal SRI Aman di Binjai.
- Ekoran itu, Jawatankuasa Pembangunan Binjai ditubuhkan untuk membeli kawasan tambahan serta membangunkan tanah tersebut untuk Kompleks Pendidikan Islam Aman di Binjai.

¹⁹⁰Normizana Hamzah *et.al.*, (2006) Pusat Pendidikan Aman, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h.27-29

¹⁹¹*Ibid.*, h.21

- 1994 SRI Aman berpindah ke Jalan Marican kerana pertambahan pelajar yang menggalakkan.
- 1997 Sekolah Menengah mula ditubuhkan dengan nama Sekolah Menengah Islam Aman (SMI Aman), bertempat di jalan Marican (dalam kawasan SRI Aman) dengan 14 orang pelajar Tingkatan Satu dan 5 tenaga pelajar.
- 1999 Tadika Iman Telipot ditubuhkan.
- 2000 Tadika Iman Guchil ditubuhkan.
- 2000 SMI Aman berpindah ke Wisma Pustaka Aman Press, Jalan Sultan Yahya Petra.
- 2002 SRI Aman mendapat Anugerah Pencapaian Cemerlang UPSR Peringkat Kebangsaan 26 orang murid daripada 80 calon mendapat 5A sehingga kini SRI Aman mempunyai 24 kelas dari Tahun 1 hingga Tahun 6 dengan 4 kelas bagi setiap tahun dengan jumlah pelajar 620 dan 48 guru. SMI Aman pula telah mempunyai 3 kelas dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dengan jumlah pelajar 71 orang dan 8 orang guru.
- 2004 Pengambilan kumpulan pertama Tingkatan 4 aliran Sains dan Syariah serta Sains dan Pengurusan.

2.5.2 Matlamat Penubuhan¹⁹²

- a. Mendidik anak-anak mencintai dan menghayati Islam dari peringkat rendah lagi.
- b. Memupuk akhlak dan peribadi yang mulia dalam diri anak-anak.
- c. Membimbing pertumbuhan dan perkembangan potensi anak-anak secara menyeluruh dan bersepadu menurut fitrah Islam.
- d. Menyediakan pelajaran bahasa Arab dari peringkat sekolah rendah lagi.

¹⁹²*Ibid.*,

- e. Mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang seimbang dalam bidang akademik dan *diniyah*.
- f. Mengembangkan potensi dan kecenderungan anak-anak melalui aktiviti kokurikulum yang sesuai.

2.5.3 Pendaftaran

Sekolah rendah atau SRI Aman telah didaftarkan dengan Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan No. Rujukan : MAIK D231/595/2/3-2(6) bertarikh : 23 hb April 1991 dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (sijil Pendaftaran No. SRA 04/91)¹⁹³

2.5.4 Falsafah Pendidikan SRI Aman

Proses pendidikan yang berteraskan TAUHID bagi membina dan melahirkan INSAN RABBANI, BERILU, BERIMAN dan BERAKHLAK MULIA serta berkemampuan membentuk kehidupan diri, masyarakat, negara dan dunia sebagaimana yang dituntut oleh al-Quran dan as-Sunnah melalui sistem pendidikan yang seimbang, bersepadu, menyeluruh dan berterusan.

2.5.5 Objektif Pendidikan SRI Aman

- a. Membentuk generasi *muttaqin* yang benar-benar mampu menghayati serta memperjuangkan Islam.
- b. Meletakkan asas pembangunan kepakaran dalam semua medan kehidupan agar dengan kepakaran ini seluruh masyarakat Islam yang dinamik dapat ditegakkan dan diperkukuhkan pada zaman kini.
- c. Memberikan kemahiran-kemahiran asas agar boleh berdikari dan mengharungi realiti hidup.

¹⁹³ *Ibid* ., h.2-5

2.5.6 Visi¹⁹⁴, Misi¹⁹⁵ dan Nilai

Visinya ialah menjadi sebuah institusi pendidikan terunggul di Kelantan dan misinya adalah menyediakan pendidikan yang mampu melahirkan generasi yang berilmu, beriman, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan, serta mampu menyumbang kepada pembinaan negara. Adapun nilai ialah sentiasa mengamalkan prinsip Islam, profesion dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam semua urusan.

2.5.7 Matlamat dan Objektif kurikulum Sri Aman¹⁹⁶

Mengurus satu model pendidikan Islam yang berdaya maju dan relevan dengan kehidupan masyarakat. Pada rasionalnya, pendidikan peringkat rendah adalah bercorak asas dan bermatlamat perkembangan diri pelajar secara menyeluruh dan seimbang yang meliputi aspek-aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, akhlak, sosial, nilai dan bakat. Pada tahap ini kurikulum memberi menekankan yang lebih kepada kefahaman asas aqidah Islam, kemahiran asas bertadurus, membaca menulis, mengira dan berfikir; latihan praktikal penghayatan syariah dan akhlak Islam: perkembangan bakat, minat dan daya kreatif dalam bidang tertentu. Oleh itu, diharapkan pada akhir Tahun 6, pelajar-pelajar SRI Aman dapat:

- a. Merealisasikan kewujudan Allah dan keesaan-Nya dan kecintaan kepada ar-Rasul.
- b. Berakhlak sesuai dengan sahsiah Islam.
- c. Melaksanakan tuntutan fardu Ain dengan cekap.
- d. Ihsan kepada ibu bapa, guru dan Muslimin yang lain.
- e. Mengenal pasti peranan dan tanggungjawabnya sebagai remaja Muslim.
- f. Berkomunikasi dan bersosial dengan akhlak dan etika Islam.

¹⁹⁴Pusat Pendidikan Aman 2004, *Majalah Pusat pendidikan Aman Edit. 5 2004* , Kota Baharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Kota Bharu Kelantan, h.20

¹⁹⁵*Ibid* (2004)

¹⁹⁶*Ibid*,. (tt) h.60-61

- g. Membaca al-Qur'ān dengan tajwid yang betul.
- h. Menghafal sekurang-kurang surah-surah dalam Juz Amma.
- i. Membaca dan menulis bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.
- j. Mengira dengan menggunakan 4 operasi Matematik.
- k. Mengurus diri dengan baik.

2.5.8 Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Islam Aman¹⁹⁷

Kurikulum Bersepadu sekolah rendah Islam Aman (KBSR) bertitik tolak daripada falsafah dan matlamat Pendidikan Islam yang dicadangkan pada persidangan pertama pendidikan Islam di Mekah, pada tahun 1977 yang mendefinisikan pendidikan sebagaimana berikut; Pendidikan haruslah bertujuan untuk memperkembangkan peribadi insan secara menyeluruh dan seimbang melalui latihan rohani, intelek, rasional, emosi dan pancainderanya.

Oleh itu pendidikan mestilah merangkumi semua aspek termasuklah rohani, intelek, imaginatif, fizikal, saintifik dan bahasa, secara individu atau kolektif dan seterusnya membawa kepada kebaikan dan kesempurnaan diri insan.

2.5.9 Teras Kurikulum SRI Aman

Kejayaan kurikulum ini membentuk pelajar-pelajar menjadi pelajar yang diidamkan dalam matlamat di atas. Berbeza pula daripada seorang pelajar kepada seorang pelajar yang lain. Dengan pertimbangan ini, usaha merancang pelajaran dan pembelajaran di bilik darjah KBSRI memberi penegasan kepada perkara-perkara berikut:¹⁹⁸

- a. Kesepaduan ilmu ke arah mentauhidkan Allah.

Segala jenis ilmu pengetahuan yang diajar dikaitkan dengan kewujudan dan keesaan Allah. (konsep Tauhid merentas kurikulum)

¹⁹⁷Pusat Pendidikan Aman 2004, *op ,cip*, h.60

¹⁹⁸*Ibid.*, (t.t) h.61-63

b. Penghayatan nilai dan sahsiah (akhlak) Islam.

Penekanan akhlak yang kamil dan syamil dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah. Guru bertindak sebagai 'role – model' (qudwah) dan merupakan sebahagian daripada kurikulum (kurikulum bergerak). (Konsep akhlak merentas kurikulum)

c. Pengamalan berterusan dan praktikal setiap ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap harus diamalkan dan dihayati pada setiap masa dan harus dijadikan praktikal dan sesuai dengan kemampuan pelajar yang melakukannya.

d. Penyerapan dan gabung jalin.

Penyerapan menegaskan bahawa pengajaran kemahiran diisi dengan pengetahuan. Walaupun kemahiran penguasaan asas dikenalkan pada Tahap 1, ini tidak bermakna pelajar tidak didedahkan dengan ilmu pengetahuan. Dalam penggabungjalinan pengajaran, kemahiran mestilah digabungkan dengan kemahiran lain dalam satu mata pelajaran atau di dalam mata pelajaran yang lain sebagai satu pengukuhan.

e. Berpusatkan pelajar (student centered).

Guru mengajar berdasarkan kemampuan intelek, psikomotor dan persekitaran pelajar. Kemampuan pelajar mestilah menjadi fokus dalam penyediaan rancangan mengajar dan perlakuan pembelajaran di bilik darjah.¹⁹⁹

f. Penilaian berterusan dan seimbang

Penilaian yang berterusan harus dibuat dari semasa ke semasa dengan menekankan aspek akademik (intelek), kemahiran (psikomotor) afektif, sikap, akhlak dan kemahiran sosial secara seimbang, Penekanan pada mana-mana satu

¹⁹⁹*Ibid.*,

atau dua aspek sahaja haruslah diketepikan dalam pengukuran dan penilaian perkembangan diri pelajar.²⁰⁰

2.5.10 Aspek-aspek penilaian yang menyeluruh dan seimbang ialah :-

- a. Penguasaan pengetahuan *diniyah* melalui UPSRI & SPPM
- b. Penguasaan kemahiran psikomotor melalui Ujian *Fardu Ain* dan UPSR
- c. Perkembangan minat dan daya kreatif melalui PKBS
- d. Perubahan sikap dan akhlak Islam melalui PKBS.
- e. Penguasaan kemahiran sosial dan etika Islam melalui PKBS.
- f. Pemulihan dan pengayaan pelajar yang dihadapi masalah dan kesukaran belajar wajar diberi kaedah pembelajaran alternatif untuk memudahkan mereka menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran. Bagi pelajar yang cerdas pula minat, daya kreatif, pengalaman dan bakat mereka haruslah dikembangkan melalui aktiviti pengayaan yang terancang.
- g. Kepelbagaian kaedah, media, kepakaran dan keceriaan.

Untuk menanam, memupuk dan mengekalkan minat belajar dan berjaya pada diri pelajar, semua subjek mestilah diajar dengan menggunakan pelbagai jenis kaedah, media, alat bantu dan kepakaran. Suasana pembelajaran yang ceria juga harus diwujudkan sebagai pemangkin bagi teretusnya minat belajar.

Yayasan pendidikan Islam Aman fungsinya dalam mengarusperdanakan satu sistem pendidikan yang berteraskan falsafah pendidikan Islam di beberapa peringkat bermula tahap tadika, sekolah rendah, sekolah menengah serta institusi pengajian tinggi dalam memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan ia sebagai wasilat untuk menjamin kecemerlangan masa depan integrasi nasional.

²⁰⁰*Ibid.*,

2.6 SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-HIKMAH (ABIM)

ABIM sebagai sebuah pertubuhan badan dakwah mempunyai peranan dalam pembangunan masyarakat Islam.²⁰¹ Resolusi penubuhan angkatan belia Islam Malaysia (ABIM) lahir daripada keinginan untuk melihat kesinambungan perjuangan mahasiswa Islam dalam persatuan kebangsaan pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Resolusi ini lahir bersempena persidangan agung ke-10 PKPIM yang berlangsung di dewan al-Malik Faisal, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada 3 hingga 7 Ogos 1971. ABIM diluluskan pendaftarannya pada 17 Ogos 1972 dengan No. pendaftaran 1161.²⁰² ABIM telah mengambil inisiatif untuk memajukan rancangan pendidikan peringkat rendah dengan menubuhkan Sekolah Rendah Islam (SERI) selari dengan perkembangan TASKI ABIM serta hasrat masyarakat untuk melihat anak-anak mereka terdidik secara Islam. Dalam hasrat untuk melihat perkembangan pendidikan rohani, fizikal, intelektual dan emosi yang seimbang bagi anak-anak Muslim²⁰³

2.6.1 Sejarah Penubuhan dan Falsafah Sekolah Islam al-Hikmah

Sekolah Rendah Islam (SRI) al-Hikmah terletak di 2633-A, Tanjong Mas, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. No. perakuan pendaftaran dengan kementerian pelajaran Malaysia (KMP) SRS 04002, di bawah majlis agama Islam Kelantan SMU 42/99 dan no. sekolah di bawah JPN Kelantan ialah DO3B 002. Sekolah Rendah Islam al-Hikmah merupakan sekolah rendah Islam persendirian yang ditubuhkan pada tahun 1989 oleh ABIM, bertempat di markas ABIM Kelantan di kampung Huda, Kota Bharu bermula dengan 8 orang guru dan 106 orang murid dalam lingkungan 3 kelas. Pada tahun 1990 sekolah berpindah ke tempat baru iaitu di pusat

²⁰¹ Azmi Bin Mohamed, (2003) *Peranan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dalam Pembangunan Masyarakat Islam Bandar Sarikei, Sarawak*, Kuala Lumpur : Disertasi Sarjana Usuluddin : UM, h.226

²⁰² Abdul Rahman Kurais, (t.t) 'Bahan Rujukan Fasilitator Modul 1 PPAA' ABIM h.1

²⁰³ Sekolah Rendah Islam ABIM, dicapai pada 12 Februari 2014, lihat http://seriabimpusat.tripod.com/main_menu.htm dan laman web utama abim : <http://www.abim.org.my/>

Dakwah Islam ABIM di Tanjong Mas Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan (tempat sekarang). Kini sekolah ini dikenali sebagai SRI al-Hikmah. Kemudahan bangunan kayu terdiri daripada 2 blok bangunan, 2 aras untuk akademik, sebuah musala, kantin dan padang. Bahagian pentadbiran pula ditempatkan di belakang rumah kedai berdekatan dengan blok akademik yang dimiliki ABIM negeri Kelantan.²⁰⁴

Falsafah ABIM ialah untuk merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup yang serba sempurna mencukupi seluruh aspek kehidupan dan bersifat padu dengan mengambil pendekatan sederhana. Falsafah ini diuraikan dalam tujuan dan kaedah pelaksanaan berikut:

- a. Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islāmiyah sesuai dengan ajaran asasi al-Qur'ān dan al-Sunnah.
- b. Menjalankan dakwah Islamiah dengan cara progresif kepada seluruh lapisan masyarakat dengan syarat mendapat kebenaran dari Jabatan Agama Negeri yang berkenaan.
- c. Menggembeng tenaga belia Islam seluruhnya sama-sama bekerjasama memberi bantuan dan sokongan meningkatkan taraf hidup dalam semua lapangan termasuk sosial, pendidikan kebudayaan, falsafah dan teknologi.
- d. Mewakili belia Islam di persidangan-persidangan dalam dan luar negara.
- e. Menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak berlawanan dengan ajaran asasi al-Qur'ān dan al-Sunnah.²⁰⁵

2.6.2 Matlamat dan Maklumat terkini

ABIM menjalankan pergerakan berpandukan kepada apa yang tercatat dalam perlambangan ABIM. Pergerakan ini boleh dilaksanakan bagi pihak jawatankuasa kerja

²⁰⁴ Sekolah Rendah Islam (SERI) al-Hikmah Kertas Kerja Mohon Sumbangan Bangunan Tambahan,.

²⁰⁵ ABIM (t.t) Perlembagaan ABIM Pindaan 1987 (1987) Petaling Jaya : h.2

pusat di peringkat negeri atau wilayah, jawatankuasa unit dan jawatankuasa lain.²⁰⁶

Pelaksanaan adalah seperti berikut;

- a. Menggalakkan pengertian mengenai Islam dengan menanam dan memupuknya dalam semua segi.
- b. Menjalankan dakwah Islam.
- c. Menjalankan rancangan-rancangan yang bertujuan meninggikan taraf umat Islam di segenap lapangan hidup.
- d. Mengadakan lawatan muhibah di dalam dan di luar negeri dan pertukaran belia.
- e. Menjalankan kerja-kerja kebajikan untuk belia Islam.
- f. Menerbitkan akhbar-akhbar dan risalah.
- g. Menerima dan juga menghantar berita-berita di dalam dan luar negeri yang berkaitan dengan perkara-perkara dan masalah-masalah belia.

Maklumat terkini bilangan murid adalah seramai 450 orang bagi 15 buah kelas. Adapun tenaga guru seramai 34 orang dan bilangan staf dan lain-lain seramai 6 orang.²⁰⁷

2.6.3 Objektif Kurikulum SERI ABIM (AL-HIKMAH)²⁰⁸

- a. Menyesuaikan dan memupuk sahsiah Islamiah.
- b. Membekalkan asas kebolehan hidup yang memampukan untuk menghadapi alam *mukallaf*.
- c. Memperseimbangkan dalam diri kanak-kanak tuntutan kerohanian dan kebolehan.
- d. Menanamkan keimanan di dalam diri generasi muda.
- e. Memupuk dan mengembangkan minat untuk terus belajar.

²⁰⁶ *Ibid.*,

²⁰⁷ *Ibid*, h.230

²⁰⁸ Angkatan Belia Islam Malaysia, Sekolah Rendah Islam ABIM, dicapai pad 12 Februari 2014, lihat laman web utama ABIM :<http://www.abim.org.my/>

- f. Menekankan nilai Islam dan keikhlasan pada Allah dalam melakukan apa juga tugas dan tanggungjawab.
- g. Menyediakan pengetahuan asas keterampilan (psikomotor).
- h. Menanamkan semangat cinta kepada agama.

2.6.4 Keistimewaan SERI ABIM

Pada 2009, sekolah ini mendapat anugerah kementerian pelajaran sebanyak 4 bintang. Jumlah bilangan murid 5A UPSR 11 orang dan murid khatam al-Qur'ān seramai 135 orang. Dalam masa yang sama sekolah ini terdapat pelbagai pusat lain seperti sekretariat ABIM Negeri Kelantan, Masjid al-Hikmah, Tadika Islam (taski) *al-Hikmah*, *Hadhonah* dan Musala *al-Hikmah* dan kedai-kedai.

2.7 SEKOLAH RENDAH ISLAM KIBLAH

Pengenalan Latar belakang dan sejarah²⁰⁹ pada 30hb Julai 1992 merupakan detik tercetusnya satu ilham untuk menubuhkan sebuah sekolah rendah beraliran agama dan akademik. Lalu terbentuklah sebuah Jawatankuasa Pengasas untuk membincang tentang penubuhan sekolah yang diimpikan. Pada 24hb Jun 1993, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) telah meluluskan penubuhan sekolah tersebut, kemudian diikuti oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada tahun 1999 (SRS 04006).

Sekolah Rendah Islam Kiblah atau lebih dikenali dengan Sri Kiblah mula beroperasi pada 5hb Disember 1993 (bagi sesi pengajian 1993/94) di bangunan sementara (Kolej Budaya Bunut Payong) dengan jumlah murid seramai 28 orang dan 4 orang guru berserta seorang kakitangan. Pada 12hb Disember 1993, sekolah ini berpindah ke bangunan baru iaitu sebuah banglo di Jalan Telipot Kota Bharu. Pada tahun 1994, Ahli Lembaga Pengelola telah dibentuk bagi mengurus serta mengendali

²⁰⁹Pentadbiran SRI Kiblah 2010, *Manual Pengurusan Sekolah Rendah Islam Kiblah*, Kota Bharu : SRI Kiblah, h.6

segala pentadbiran sekolah. Kemudian pada sesi pengajian 1996, sekali lagi Sri Kiblah berpindah ke Jalan Pekeliling sehingga 1997. Mulai sesi 1998, Sri Kiblah beroperasi sehingga kini dan dibangunkan di alamat tetap iaitu 691, Paya Senang, Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu, Kelantan.²¹⁰

2.7.1 Falsafah, Visi dan Misi Pendidikan Sekolah

Proses pendidikan dan matlamat penubuhan adalah berlandaskan al-Qur'ān dan As-Sunnah menerusi pendidikan terkini yang sempurna, bersepadu, istiqamah dan *qudwah* hasanah bagi membentuk generasi *Taqwa* yang berilmu, beriman, berakhlak mulia dan berketerampilan serta berkemampuan membentuk diri dan berkhidmat kepada keluarga, masyarakat, negara dan ummah yang direcai Allah di dunia dan di akhirat.²¹¹

- a. Visi Menjadikan SRI Kiblah sebuah Institusi Harapan Negara dan Ummah.
- b. Misi Melahirkan generasi *muttaqin* yang cemerlang akademik dan berakhlak mulia.

2.7.2 Matlamat Umum

- a. Melahirkan murid yang soleh dalam erti kata insan kamil.
- b. Membekal serta memantapkan ilmu duniawi dan ukhrawi.
- c. Meluaskan minda yang sah sejajar dengan pembangunan alam.
- d. Menilai serta merealisasikan amalan yang seimbang.
- e. Meningkatkan dan mengekalkan pencapaian tertinggi dalam bidang pendidikan mencakupi aspek pengurusan dan pentadbiran²¹²

²¹⁰Sekolah Rendah Islam Kiblah, dicapai pada 15 Februari 2014 lihat :http://www.srikiblahkb.com/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=51&Itemid=50

²¹¹SRI Kiblah(2002), *Majalah al-Kiblah Edisi Sulung 2002*, KB : SRI Kiblah , h.3

²¹²*op.cip.*, 2014 lihat :http://www.srikiblahkb.com/portal/index.php?option=com_content&view

2.7.3 Piagam Pelanggan²¹³

Proses pematapan dalam pengurusan dan pentadbiran untuk menambat hati pelanggan serta menjaga kemesraan, ketelusan, adil dan penuh tanggungjawab,²¹⁴ pihak sekolah perlu mempamerkan beberapa piagam sekolah yang mana adalah seperti berikut :-

- a. Sentiasa menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri setiap pelajar.
- b. Membentuk sahsiah pelajar dengan kehendak Islam.
- c. Memberi pengajaran yang lengkap dalam pendidikan al-Quran.
- d. Memulakan proses pembelajaran seawal sesi persekolahan.
- e. Memastikan pelajar dapat belajar dengan selesa dan mendapat didikan yang bersepadu dan sempurna.
- f. Memastikan pelajar dapat menguasai semua ilmu yang dipelajari.
- g. Memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran 3M.
- h. Menyediakan segala kemudahan pembelajaran yang cukup dan kreatif.
- i. Menyediakan aktiviti tambahan yang bersesuaian bagi mengingatkan kemahiran diri pelajar.
- j. Mewujudkan kemudahan persekitaran yang harmonis, tenteram dan bersesuaian dengan pelajar.
- k. Meningkatkan kecemerlangan yang berterusan dalam segala bentuk penilaian.
- l. Bersedia memberi layanan mesra kepada semua pihak yang berurusan dengan pihak sekolah.
- m. Memastikan program pendidikan dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan visi dan misi.
- n. Bersedia memberi perkhidmatan yang bermutu dan produktif ke arah kecemerlangan pendidikan

²¹³SRI Kiblah(2002), al-Kiblah *Edit.* Sulung2002, Kota Bharu : SRI Kiblah, h.3

²¹⁴Pentadbiran SRI Kiblah (2010) *Manual Pengurusan Sekolah Rendah Islam Kiblah Tahun 2010 (t.h)*

- o. Mewujudkan semangat kerjasama yang padu antara keluarga pendidik PIBG dan masyarakat.

2.7.4 Agenda Sekolah dan Sistem Pendidikan²¹⁵

- a. Pendidikan berteraskan al-Qur'an dan as-Sunnah.
- b. Penerapan *Aqidah Sahihah*.
- c. Bimbingan *husnul khuluk*.
- d. Pengurusan yang sistematik & berkualiti.
- e. Pencapaian akademik 80% setiap murid.
- f. Target pencapaian UPSR 40% (5A) & UPSRI 100% (7A).
- g. Program mesra pelanggan.
- h. Bimbingan keluarga *Qurra' ayun*.²¹⁶

Sistem pendidikan SRI Kiblah yang merangkumi kurikulum, ko-kurikulum dan penghayatan Islam yang membentuk sahsiah Islam.

2.7.5 Kurikulum, Ko-Kurikulum dan Penghayatan Islam

Kurikulum SRI Kiblah menggabungkan kurikulum bersepadu sekolah rendah (KBSR) dan kurikulum pendidikan Islam (KPI). Manakala, ko-kurikulum merupakan gerak kerja yang dijalankan di dalam dan di luar masa belajar bagi pengukuhan dan pengkaryaan pembelajaran di samping dapat membentuk jasmani, rohani, akhlak, akal, disiplin, sosial dan penerapan nilai-nilai terpuji. Bagi tujuan penghayatan Islam, pihak sekolah dipertanggungjawabkan membentuk sahsiah murid dan budaya hidup Islam serta memberi penekanan pengukuhan keimanan dan akhlak yang berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah.

²¹⁵Pentadbiran SRI Kiblah (2011) *op.cit.*, Kelantan : KB , h.6

²¹⁶Pentadbiran SRI Kiblah (2012) *op.cit.*, Kelantan : KB , h.8

2.7.6 Skop Tugas unit Tilawah²¹⁷ dan Program Cakna al-Qur'ān

- a. Mengadakan mesyuarat ahli jawatankuasa dan merancang aktiviti unit tilawah.
- b. Melaksanakan aktiviti tahunan yang telah diputuskan dalam mesyuarat.
- c. Memastikan setiap murid mencapai target yang telah ditentukan oleh pihak sekolah.
- d. Mewujudkan aktiviti yang boleh menarik minat murid supaya sentiasa membaca al-Qur'ān walau di mana mereka berada.
- e. Menyediakan jadual harian, kelas hari minggu, Jumaat dan Sabtu serta kelas musim cuti.
- f. Memastikan kelas al-Qur'ān lancar.
- g. Menentukan guru yang berkelayakan untuk mengajar kelas al-Qur'ān.
- h. Menyedia jadual semak hafalan.
- i. Menyediakan rekod pencapaian al-Qur'ān bagi murid.
- j. Menyemak kerja bertulis murid.
- k. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh penolong kanan pentadbiran atau Guru Besar.

Pengenalan kepada program cakna al-Qur'ān²¹⁸ merupakan suatu usaha untuk mendisiplinkan dalam mendalami tata bacaan al-Qur'ān mengikut kaedah yang betul dengan cara yang berterusan dan tidak terbatas setakat di bangku sekolah sahaja. Bacaan al-Qur'ān adalah suatu amalan yang sangat perlu dititikberatkan kerana ia bukan sesuatu yang agak mudah untuk dikuasai, tidak seperti mata pelajaran lain yang mudah dipelajari murid dalam kelas. Ia perlu kepada pengetahuan terperinci, kemahiran menyebut, pengawalan bacaan dan suara yang tepat serta susunan nada yang betul. Tambahan pula, proses pembelajaran adalah lebih ditekankan dalam bentuk *talaqqi* dengan guru yang diiktiraf dengan cara yang berterusan, tanpa had dan masa.

²¹⁷*Ibid.*, h. 21

²¹⁸Sekolah Rendah Islam Kiblah, Rekod Semakan Guru dan Ibu-bapa, *Program Cakna al-Quran* (t.t). h.1

2.7.7 Objektif dan Tindakan Murid dan Ibu bapa²¹⁹

- a. Mendisiplinkan untuk terus membaca al-Qur'ān walaupun berada di mana-mana sahaja.
- b. Memastikan murid mengulang kaji semua apa yang dibaca dan dipelajari bersama guru semasa berada di kelas.
- c. Melahirkan murid yang dapat menguasai bacaan al-Qur'ān mengikut kaedah yang betul.
- d. Mendidik minda dan jiwa agar tidak terlalu menumpukan kepada kemampuan mengkhatamkan al-Qur'ān dalam masa yang singkat sahaja, tetapi pada masa yang sama lebih menekankan kepada kemahiran membaca yang betul.
- e. Melahirkan pelapis generasi yang ahli al-Qur'ān.

Tindakan bagi pihak murid dan ibu bapa lakukan²²⁰ ialah :-

- a. Murid hendaklah membawa pulang buku ini bersama setelah bacaannya dengan guru telah selesai serta dicatatkan butiran-butiran tahap bacaan.
- b. Murid hendaklah mengulang bacaan semula apa yang dibaca pada hari tersebut. Cari masa yang sesuai, dicadangkan selepas Maghrib hingga Isyak'.
- c. Murid hendaklah mengulang bacaan ayat yang telah dibaca bersama guru di sekolah sebanyak 5 kali dengan bacaan yang betul.
- d. Ibu bapa penjaga diminta dapat memastikan murid tersebut melakukan dengan ikhlas tidak perlu mengajar jika tidak mampu, serta menurunkan tandatangan pada ruangan yang disediakan bagi menandakan ia dilakukan di bawah kawalan ibu bapa/penjaga.
- e. Buku ini hendaklah diserahkan kepada guru mata pelajaran setiap kali hadir untuk sesi pembelajaran.

²¹⁹SRI Kiblah (t.t) Borang Rekod Semakan Guru dan Ibu-bapa, h.5

²²⁰*Ibid.*,

2.8 KESIMPULAN

Penulis bersetuju dengan sejarah pengajian al-Qur'ān bermula di rumah-rumah Tok Guru dan pindah ke surau, madrasah dan pusat pengajian pondok. Dalam proses memartabatkan lagi institusi pendidikan Islam, maka ia membawa kepada penubuhan sekolah swasta. Sekolah Islam Swasta memainkan peranan yang besar dan memberi sumbangan yang jitu dalam pemantapan pengajian al-Qur'ān di peringkat asas.

Sekolah rendah Islam swasta di Kelantan merupakan salah satu pusat pendidikan al-Qur'ān yang menjadi sekolah pilihan bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang tinggal di sekitar Kota Bharu, supaya anak-anak mereka diisikan dengan pengajian al-Qur'ān dari tahap permulaan sekolah lagi. Justeru itu, cabaran dan tanggungjawab yang amat besar dipikul bukan sahaja murid-murid, malah juga warga pendidik dan kakitangannya. Kemungkinan dengan penekanan kepada pengajian al-Qur'ān, maka tilawah dan hafazan adalah salah satu daripada alternatif pilihan ibu bapa. Oleh itu, pelaksanaan pengajian al-Qur'ān itu terletak kepada urus tadbir pihak organisasi sekolah tersebut sejajar dengan hasrat falsafah pendidikan sekolah tersebut.

Melalui proses temu bual, dengan beberapa tenaga pentadbir, guru-guru dan ibu bapa pelajar, penulis dapat membuat ulasan bahawa sekolah-sekolah rendah Islam swasta terbina di atas kesedaran untuk sama-sama berusaha ke arah mewujudkan generasi al-Qur'ān. Berbekalkan kesedaran ini dan meyakini hakikat bahawa ilmu pengetahuan adalah satu-satunya alat yang mampu meletakkan ummah di landasan yang *haq*.